

Headline	Bursa Malaysia catat sejarah tertinggi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	121 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,674		



# Bursa Malaysia catat sejarah tertinggi

**KUALA LUMPUR** - Trend menaik di Bursa Malaysia dijangka berterusan sehingga Januari tahun depan ekoran keyakinan pelabur terhadap pasaran tempatan kesan daripada pelbagai langkah baharu yang diambil kerajaan selepas Bajet 2014.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Runcit Affin Investment Bank, Dr. Nazri Khan berkata, melihat kepada keadaan ekonomi negara yang semakin pulih, saham-saham yang terlibat dengan pengumuman Bajet 2014 turut diniagakan lebih tinggi.

Ini dapat dilihat pada harga saham Tenaga Nasional Bhd. (TNB) yang mana ia mengukuh 0.83 sen atau 8.39 peratus kepada RM10.72, selepas mencecah paras setinggi RM12.60 di samping 46.71 juta saham diniagakan.

Lonjakan saham itu merupakan kesan daripada langkah kerajaan merasionalisasikan subsidi menerusi semakan semula tarif elektrik kelmarin.

“Dengan faktor tahap kecairan dan rangsangan di pasaran Jepun dan Amerika Syarikat, ia akan membantu melonjakkan

lagi indeks komposit tempatan, sekali gus menyumbang kepada keadaan ekonomi yang lebih baik menjelang 2014,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Bursa Malaysia yang mengakhiri dagangan semalam pada paras tertinggi dalam sejarahnya setelah ia meningkat kepada 1,824.29 mata melepasi paras tinggi 1,818.93 yang dicatatkan pada 24 Oktober lalu.

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) pula ditutup 6.14

mata lebih tinggi selepas berlegar antara 1,821.66 dan paras tertinggi seharian 1,840.12.

Selain itu, Nazri tidak menolak kemungkinan pengumuman kenaikan kadar tarif elektrik oleh kerajaan kelmorian telah memberi impak luar biasa kepada pergerakan harga-harga pasaran saham tempatan semalam.

“Kenaikan kadar tarif baharu TNB turut menjadi penyumbang dan ia membuktikan keyakinan pelabur tempatan dan asing terhadap pelan pembangunan ekonomi,” katanya.